



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN
SUKU KEEMPAT 2019

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2019

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KEEMPAT 2019**


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAJUK UTAMA:
PRESTASI YANG KUKUH PADA SUKU TAHUN KEEMPAT MENDORONG
KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SEBANYAK 3.9 PERATUS PADA
TAHUN 2019.**

1. Ekonomi negara pada tahun 2019 meningkat sebanyak 3.9 peratus yang mana disumbangkan oleh kenaikan dalam kedua-dua Sektor Minyak & Gas dan Sektor Bukan Minyak & Gas masing-masing sebanyak 4.9 peratus dan 2.5 peratus. Peningkatan ini dicapai setelah pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada suku keempat 2019 (Q4 2019) mencatatkan pertumbuhan yang positif.
2. Pada Q4 2019, KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa berjumlah BND4.82 bilion berbanding BND4.81 bilion pada Q4 2018. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) bernilai BND2.6 bilion dan menyumbang sebanyak 52.5 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang kini termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, menyumbang sebanyak 47.5 peratus dengan nilai BND2.3 bilion.
3. Pada harga tetap, KDNK pada Q4 2019 meningkat sebanyak 7.1 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua Sektor Minyak & Gas dan Sektor Bukan Minyak & Gas masing-masing sebanyak 8.1 peratus dan 5.9 peratus.



4. Peningkatan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh pengeluaran LNG yang meningkat kepada 1,034,175 MMBtu sehari pada Q4 2019 berbanding 924,232 MMBtu sehari pada Q4 2018. Pengeluaran minyak mentah juga meningkat daripada 117.6 ribu tong sehari pada Q4 2018 kepada 130.1 ribu tong sehari pada Q4 2019. Manakala, pengeluaran gas asli meningkat sebanyak 9.4 peratus, iaitu daripada 33.0 juta meter padu sehari kepada 36.2 juta meter padu sehari pada tempoh masa yang sama.
5. Pengeluaran baru dalam produk petroleum dan kimia daripada aktiviti hiliran, dengan nilai tambah kasar sebanyak BND110.0 juta, telah mendorong kepada pertumbuhan Sektor Bukan Minyak & Gas. Ini diikuti oleh peningkatan dalam Subsektor Pengangkutan sebanyak 15.1 peratus terutamanya dalam aktiviti pengangkutan air; dan Subsektor Pembinaan (13.8 peratus).
6. Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada Q4 2019 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Industri sebanyak 11.4 peratus. Manakala, Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 0.7 peratus, antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor seperti Pengangkutan, Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Pendidikan. Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan pula mencatatkan kenaikan sebanyak 1.8 peratus berikutan peningkatan dalam Subsektor Perikanan terutamanya dalam industri tangkapan secara kecil-kecilan.



7. Mengikut pendekatan perbelanjaan, pertumbuhan KDNK adalah disebabkan oleh peningkatan bagi Import Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 30.6 peratus diikuti oleh Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 28.9 peratus, Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 7.5 peratus, dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 2.0 peratus.

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Keempat 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2019**


BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:


***STRONG PERFORMANCE IN FOURTH QUARTER LED TO 3.9 PER CENT
ECONOMIC GROWTH IN 2019***

- 1. Brunei Darussalam's economy in 2019 grew by 3.9 per cent which was attributed to the increased of both the Oil & Gas Sector and Non-Oil & Gas sector by 4.9 per cent and 2.5 per cent respectively. The overall growth was achieved after the gross domestic product (GDP) in the fourth quarter of 2019 (Q4 2019) recorded a positive growth.*
- 2. In Q4 2019, Brunei Darussalam's GDP at current prices was estimated at BND4.82 billion compared to BND4.81 billion in Q4 2018. The Oil & Gas sector, comprising oil and gas mining and manufacturing of liquefied natural gas (LNG), was valued at BND2.6 billion and accounted for 52.5 per cent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas sector, which now includes downstream activities such as the manufacturing of petroleum and chemical products, contributed 47.5 per cent with a GVA of BND2.3 billion.*
- 3. At constant prices, GDP Q4 2019 growth was contributed by the increases in both the Oil & Gas sector and the Non-Oil & Gas sector by 8.1 per cent and 5.9 per cent respectively.*

Brunei Darussalam's GDP Performance Q1 2018-Q4 2019



4. *The growth in the Oil & Gas sector was mainly supported by the increase in LNG production to 1,034,175 MMBtu per day in Q4 2019 from 924,232 MMBtu per day in Q4 2018. Production of crude oil also increased from 117.6 thousand barrels per day in Q4 2018 to 130.1 thousand barrels per day in Q4 2019. In addition, natural gas production also recorded an increase from 33.0 million cubic metres per day to 36.2 million cubic metres per day in the same period of time.*
5. *New production of petroleum and chemical products from the downstream activities, with a GVA of BND110.0 million, led to the expansion of the Non-Oil & Gas Sector. This was followed by an increase in the Transportation Subsector by 15.1 per cent particularly in the water transport activities; and Construction Subsector (13.8 per cent).*
6. *By kind of economic activity, the positive growth year-on-year in Q4 2019 was due to an increase in the Industry Sector by 11.4 per cent. Meanwhile, the Services Sector increased by 0.7 per cent supported by increases in the Subsectors such as Transportation, Government Services and Education Services. The Agriculture, Forestry & Fishery Sector also increased by 1.8 per cent following an increase in the Fishery Subsector, mainly in the small scale capture industry.*



7. *By expenditure approach, GDP growth was attributed to an increase in the Imports of Goods and Services by 30.6 per cent followed by Exports of Goods and Services by 28.9 per cent, Households Final Consumption Expenditure 7.5 per cent, and Government Final Consumption Expenditure 2.0 per cent.*

8. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Fourth Quarter of 2019 is available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*